



PEJABAT BURSAR
BURSAR'S OFFICE

Rujukan Kami : UPM/BEN/S4-2/Bhg.7 (11)

Tarikh : 31 Disember 2014

PEKELILING BURSAR BIL. 6 TAHUN 2014

Pengurusan Kereta Rasmi Universiti – Pemberian Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan Kepada Pegawai Universiti Putra Malaysia

Tujuan

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan polisi dan peraturan mengenai Pemberian Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan kepada pegawai universiti yang layak dengan kaedah bayaran elaun bulanan bagi menggantikan pemberian Kereta Rasmi Jawatan sedia ada.

Latar Belakang

2. Pada masa ini, pelaksanaan polisi dan peraturan pemberian Kereta Rasmi Jawatan tertakluk kepada Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa dari masa ke semasa. Di samping itu pelaksanaan juga tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh Universiti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) .

3. Kementerian Pendidikan telah memberi kelulusan kepada universiti untuk melaksanakan polisi dan peraturan pemberian Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan kepada pegawai universiti yang layak tertakluk kepada syarat seperti yang telah ditetapkan di dalam surat kelulusan dari Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan rujukan JPT(G)1000/016/033/03 Jld 6 bertarikh 30 September 2014.

Tafsiran

4. Melainkan sesuatu itu jelas maksudnya di dalam Pekeliling ini, tafsiran di bawah hendaklah diikuti:-

- 4.1 “Ahli Pengurusan Tertinggi Universiti ” ialah Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang;
- 4.2 ‘Ketua Jabatan” bermaksud semua Ahli Pengurusan Tertinggi Universiti serta semua pegawai yang dilantik untuk mengetuai sesebuah Fakulti/Pusat/Institut atau entiti yang bersamaan yang ditetapkan oleh perlembagaan Universiti;
- 4.3 “Kereta Rasmi Jawatan” ialah kereta yang diperuntukkan khas mengikut kelayakan jawatan kepada semua ketua jabatan yang berada pada Gred Utama/Khas C dan ke atas;
- 4.4 “Tugas Rasmi” ialah tugas yang berkaitan dengan fungsi jabatan dan tugas lain yang berkaitan dengan pejabat yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa atau yang ditetapkan dan diarahkan oleh Naib Canselor termasuk yang memerlukan penggunaan kereta rasmi jawatan/atau kereta rasmi pegawai;
- 4.5 “Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan” ialah kadar elaun yang telah ditetapkan oleh universiti untuk dibayar secara bulanan kepada pegawai yang layak diperuntukkan Kereta Rasmi Jawatan yang tidak dibekalkan Kereta Rasmi Jawatan oleh universiti; dan
- 4.6 “Kereta Rasmi Pegawai” ialah kereta pegawai yang digunakan untuk urusan tugas rasmi universiti di sepanjang tempoh pegawai layak mendapat kemudahan pemberian Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan. Syarat dan kriteria kereta Rasmi Pegawai seperti di Perenggan 7.1 hingga 7.3.

Pegawai Yang Layak Dibekalkan Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan

5. Pemberian Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan layak diperuntukkan kepada pegawai-pegawai seperti berikut:-
 - 5.1 Ahli Pengurusan Tertinggi Universiti yang berada pada Gred Utama/Khas C dan ke atas atau yang setaraf; dan
 - 5.2 Ketua Jabatan yang berada pada Gred Utama/Khas C dan ke atas atau yang setaraf.
6. Pemberian Kemudahan ini akan terbatal apabila pegawai tidak lagi memegang jawatan seperti di perenggan 5.

Tanggungjawab Pegawai Yang Diberi Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan

7. Pegawai yang diperuntukan Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan bertanggungjawab memastikan Kereta Rasmi Pegawai yang digunakan di sepanjang tempoh kelayakan bersesuaian dan memenuhi syarat dan kriteria berikut:

- 7.1 enjin berkapasiti tidak kurang dari 1800 cc;
- 7.2 berusia tidak melebihi tujuh (7) tahun semasa awal penggunaannya dan disepanjang tempoh pegawai layak mendapat Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan dan
- 7.3 berkeadaan baik dan selamat digunakan serta tidak menjejaskan imej pegawai yang berkaitan dan universiti.

8. Di sepanjang tempoh pegawai diperuntukkan Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan, universiti tidak mempunyai apa-apa tanggungan ke atas apa-apa tuntutan yang berkaitan dengan urusan Kereta Rasmi Pegawai tersebut.

Kadar Kelayakan Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan

9. Kadar Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan yang layak diterima oleh pegawai adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Kadar Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan

Bil.	Gred Jawatan	Kadar Elaun (RM)
1.	Turus	4,500.00
2.	Gred Khas A	4,000.00
3.	Gred Khas B	3,500.00
4.	Gred Khas C	2,700.00

Kaedah Pemberian Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan Kepada Pegawai Universiti

10. Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan ini akan dibayar melalui gaji bulanan pegawai mulai dari tempoh kelayakan pegawai sehingga tamat tempoh tersebut.

Kemudahan Bekalan Bahan Api

11. Pegawai yang mendapat Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan layak mendapat bekalan bahan api mengikut kelayakan seperti mana yang ditetapkan oleh peraturan semasa yang berkuatkuasa. Kelayakan tuntutan bahan api diberikan berdasarkan kelayakan untuk perjalanan dari rumah ke pejabat termasuk perjalanan pergi dan balik untuk makan tengah hari tertakluk kepada had maksimum mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

12. Bagi perjalanan bertugas rasmi tuntutan perjalanan hendaklah dibuat melalui tuntutan imbuhan wang petrol melalui sistem atau kaedah yang telah ditetapkan oleh universiti dari masa ke semasa.

Hal-Hal Lain

13. Mulai dari tarikh pemberian Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan, kemudahan Kereta Rasmi Jawatan akan ditamatkan dan semua Kereta Rasmi Jawatan sedia ada perlu dikembalikan kepada universiti untuk tindakan selanjutnya.

14. Bagi pegawai yang mendapat kemudahan pemandu, pegawai layak untuk meneruskan perkhidmatan pemandu untuk Kereta Rasmi Pegawai yang digunakan.

15. Pegawai tidak layak untuk membuat tuntutan penyelenggaraan, bayaran insuran dan apa apa tuntutan mengenai Kereta Rasmi Pegawai.

Pemakaian

16. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Perbendaharaan Bil.5 Tahun 2013 dan Lain Lain Peraturan Yang Berkuatkuasa.

Tarikh Kuat Kuasa

17. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh 1 Disember 2014.

18. Keterangan lanjut mengenai Surat Pekeliling ini boleh diperolehi dari Zon G, Pejabat Bursar atau hubungi terus Puan Noruniza binti Mahmud, Seksyen Kewangan Zon G di sambungan 6241.

Kerjasama semua pihak adalah diharapkan dan sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERILMU BERBAKTI”

Yang menjalankan tugas



(Zulkiflee bin Othman)

Bursar

Edaran:

Semua Ketua

Pusat Tanggungjawab

Universiti Putra Malaysia

SERDANG/PORT DICKSON/BINTULU

Salinan Kepada:

- Y.Bhg. Dato' Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor

